

Submission date: 03/01/2020

Accepted date: 1/04/2020

HUBUNGAN ANTARA FRANCAISOR DAN FRANCAISI DALAM PELAKSANAAN PERNIAGAAN FRANCAIS MENURUT AL-QUR'AN AL- KARIM

The Relationship between Franchisors and Franchisees in Franchise Business Implementation by al-Qur'an al-Karim

Mohd Huefiros Efizi bin Husain, Noor Naemah binti Abdul Rahman,
& Nor Fahimah binti Mohd Razif.
Universiti Malaya

mohdhuefirosefizi@yahoo.com.my

Abstrak

Artikel ini bertujuan mengenalpasti dalil berkaitan yang ditemui dalam Al-Qur'an al-Karim terhadap hubungan di antara francaisor dan francaisi di atas pelaksanaan perniagaan francais. Ia berperanan sebagai panduan secara menyeluruh sepanjang perjanjian berlangsung bagi membatasi berlakunya konflik yang boleh menyimpangi daripada matlamat francais dicapai. Manakala francais pula merupakan model industri yang dilengkapi dengan pakej sedia ada mengikut akta francais persekutuan seperti pendaftaran, latihan dan pemasaran bergantung kepada kehendak syarikat francais masing-masing. Oleh itu, kajian ini mengkelaskan dalil daripada al-Qur'an al-Karim yang berkaitan dengan hubungan francaisor dan francaisi bagi memudahkan rujukan dilakukan mengikut sudut tertentu. Metodologi analisis kualitatif diaplikasikan dalam kajian ini supaya objektif kajian berjaya dipenuhi melibatkan kaedah kepustakaan terhadap pembacaan daripada pelbagai sumber. Hasil kajian mendapati hubungan kedua-duanya dapat ditemui dalam al-Qur'an melibatkan di antaranya sudut pengetahuan, pematuhan dan pertolongan. Kajian ini mencadangkan agar kepentingan memelihara hubungan di kalangan pengusaha perniagaan francais dapat disedari dengan baik berpandukan dalil daripada sumber pertama perundangan syara' dan berupaya memenuhi setiap hak pihak yang terlibat.

Kata kunci: Francais, Francaisor, Francaisi dan Dalil al-Quran al-Karim.

Abstract

This article seeks to identify the relevant evidence found in the Quran on the relationship between franchisors and franchisees in the conduct of franchise business. It serves as a comprehensive guide throughout the agreement to limit conflicts that may deviate from achieving the goals of franchising. While franchise is an industry model that comes with existing packages under the federal franchise act such as registration, training and marketing depending on the needs of their respective franchise companies. Therefore, this study describes the evidence in the Quran in relation to franchisors and franchisees relationship to make reference easier for certain angles. The qualitative methodology was applied in this study so that the objectives of the study were successfully fulfilled involving library research method by reading from various sources. The results show that the relationship between the two can be found in the Quran involving knowledge, obedience and help. This study suggests that the importance of maintaining relationships among franchise business owners is well understood based on the evidence from the first source of Islamic law and strive to fulfill every right of the parties involved.

Keywords: Franchise, Franchisor, Franchise & Evidence

PENDAHULUAN

Francaisor merujuk kepada pemilik francais menerusi syarikat atau institusi yang dibangunkan atau golongan yang memberi hak dan keizinan francais tersebut kepada pihak berdaftar sebagai penerima francais (David, 2003: 20). Manakala francaisi pula terdiri daripada penerima francais yang diberikan oleh francaisor berdasarkan perakuan tertentu yang terkandung dalam persepakatan perjanjian di antara mereka (G. Frank, 1985: 503). Dua pihak terbabit merupakan pendukung utama dalam pelaksanaan sesebuah perniagaan francais. Ia dapat ditinjau berdasarkan peranan yang dibawa oleh setiap daripada mereka sebagai pemberi francais dan penerima francais.

Kekuatan daripada perniagaan francais yang meraih perhatian pengguna atau pengunjung secara maksimum secara berpanjangan, membuka minat lebih ramai penyertaan para pelabur sebagai francaisi terhadapnya. Faktor kejayaan tersebut dapat dicapai dengan berterusan berdasarkan pematuhan prinsip dan peraturan yang telah ditetapkan. Kelemahan mematuinya akan mengundang kepada bentuk kegagalan dari pelbagai sudut dan berdepan dengan tindakan undang-undang yang digunapakai secara umum tanpa adanya pengecualian tertentu. Antara kelemahan yang pernah berlaku melibatkan hubungan di antara francaisor dan francaisi adalah kemugkiran francaisi mematuhi syarat utama syarikat francais melibatkan pemasaran produk, pengendalian outlet dan penjadualan pembayaran yuran sokongan (Emerson, 1988: 3). Selain itu, pertikaian terhadap keengganan melakukan

pendaftaran insurans sebagai jaminan perniagaan dengan berskala di atas punca yang tidak munasabah (Khairul Imran, 2018: t.h). Mewakili di bahagian francaisor pula, permasalahan berlaku seperti kelemahan menawarkan kebajikan francais dengan baik, diskriminasi perkauman terhadap layanan terhadap francais dan kekhilafan dalam pengagihan barangan gantian perniagaan (Nur Hanani, 2016: 1). Di samping itu, terdapat juga laporan berkaitan dengan tindakan francaisor menamatkan operasi francais secara serta merta tanpa sebab yang kukuh dan kemalangan dalam outlet francais berpunca daripada penyelenggaraan peralatan yang kurang baik sehingga berlakunya kebakaran. (Shahidatool & Sheila, 2019: 1). Sejajar dengan itu, pengkaji akan merungkaikan hubungan melibatkan pelaksana francais iaitu francaisor dan francais yang dapat diambil pengajaran dengan sebaiknya sepertimana yang dianjurkan dalam al-Qur'an al-Karim dan bersesuaian diterapkan dalam perniagaan francais tanpa menjurus sepenuhnya kepada kaum muslim sahaja.

PEMBINAAN SISTEM PERNIAGAAN FRANCAIS

Ruangan ini memfokuskan hal yang berkisar mengenai perniagaan francais supaya kajian yang dibina lebih terarah dan jelas difahami. Ia merangkumi pengenalan dan asas didirikan perniagaan yang mengamalkan sistem francais tersebut. Kemudian, kajian ini menjelaskan pemahaman terhadap hubungan yang terjalin di kalangan francaisor dan francais menerusi dalil daripada al-Qur'an al-Karim bagi menjawab pernyataan permasalahan dalam kajian ini. Semua di atas dapat dilihat sepertimana yang berikut:

Pengenalan Francais

Pertamanya, pengkaji terlebih dahulu ingin menghuraikan definisi francais berdasarkan beberapa pendapat merangkumi perkara penting dalam pembinaan sistem perniagaan francais. Francais merupakan keizinan tersendiri yang diberikan berdasarkan etika dan jumlah peruntukan tertentu oleh pemilik syarikat kepada pengusaha francais untuk memasarkan sesuatu barangan atau perkhidmatan (Kamus Dewan, 2010). Martin Mendelsohn memberi definisi francais itu sebagai hubungan persepakatan di antara francaisor dan francais dalam menjalankan perniagaan. Peranan francaisor adalah menawarkan penyeliaan dan bimbingan kepada francais yang terlibat, manakala tugas francais pula menjurus kepada menyediakan pelaburan berbentuk bayaran dalam kadar kos tertentu dan memperolehi kebenaran untuk menggunakan jenama, jenis dan pelbagai sistem francais di bawah pemilikan francaisor (Martin, 1995: t.h).

Francais juga diterjemahkan sebagai usaha memasarkan produk melalui hebahan secara meluas berdasarkan jenama melibatkan penjualan barangan atau penyediaan perkhidmatan daripada pengusaha francais kepada pelanggan akhir. Di samping itu, francaisor mempunyai hak untuk membenarkan francais menjalankan perniagaan

yang berkenaan tidak kira orang perseorangan mahu pun syarikat berpandukan kaedah, sistem dan peraturan dalam perjanjian yang disepakati bersama di antara mereka dalam tempoh masa dan tempat yang ditetapkan (Richard, 1976: 42). Selain itu, francais merupakan satu perkongsian di antara francaisor yang memiliki produk francais dengan menyediakan sistem bersesuaian di dalam perniagaan dan pembeli hak francais atau dikenali francaisi bertindak sebagai penyedia modal berbentuk dana, menyediakan sumber manusia iaitu pekerja dan usaha berterusan terhadap operasi perniagaan berdasarkan tempoh waktu yang diikat bersama (Paul 1978: 21). Menerusi pengertian yang telah dinyatakan, francais dapat disimpulkan sebagai satu ikatan perniagaan bersistem yang melibatkan pengeluar modal, pemilik syarikat, francaisor dan francaisi mengikut perjanjian kontrak yang dipersetujui bersama berdasarkan tatacara dan tempoh tertentu. Setiap daripada mereka berperanan besar dalam menjayakan perniagaan ini demi mencapai kepuasan dan keuntungan bersama (Noraini, 2002: 29).

Asas Perniagaan Francais

Setiap sesuatu perkara yang hendak dibangunkan perlu bermula dari asas yang kukuh supaya matlamat mampu dilestarikan dengan jayanya. Pun begitu, industri francais memiliki asas perniagaan yang tersendiri berbanding perniagaan lain yang kebiasaannya bergantung penuh kepada keputusan pemilik secara persendirian. Menurut buku tulisan Awalan Abdul Azizi (1999), asas pembangunan perniagaan francais bermula dengan sikap mengambil kira setiap sudut kekuatan yang tersedia, peluang dan risiko yang bakal dihadapi di kemudian hari, memiliki keperluan modal untuk proses pembangunan perniagaan melibatkan infrastruktur yang baik dan perkhidmatan yang berterusan, mempunyai nama yang berdaftar dengan identiti tersendiri dan berbeza dengan jenama yang sedia ada di pasaran sebagai awasan untuk mengelakkan dari kekeliruan ketika proses pemasaran. Tidak dilupa kepada perlantikan satu kumpulan pengurusan yang mahir terutama dalam kewangan serta perihal promosi, mudah berkomunikasi, mampu melaksanakan tugas mengikut keperluan syarikat dan dipercayai untuk melaksanakan perniagaan seumpama ini, merencana dan menetapkan pelan operasi bermula daripada awal supaya difahami dengan jelas kepada mereka yang terlibat, menyediakan skim latihan dan penerangan untuk membangunkan operasi perniagaan francais mengikut ketetapan dari francaisor kepada francaisi berlandaskan acuan yang selari, menyelia setiap francaisi yang bernaung di bawah pemilik francais induk dan mengadakan lawatan berkala agar kualiti operasi perniagaan dalam pengawalan (Gillian C., 1999: 831).

Bukan itu sahaja, malah pengurusan fail merupakan medium terpenting yang memacu perjalanan sesebuah perniagaan, bermula dari pernyataan undang-undang tubuh, perjanjian sehingga kawalan kewangan secara efektif yang dapat diteliti dengan sempurna di antara yang terbabit secara langsung untuk perniagaan ini

(Dyna, 2010: 3). Tambahan pula, setiap francisor berhak memilih barisan francaisi yang akan mengemudi setiap cawangan perniagaan francais ini termasuk latar belakang, kelayakan, minat yang dipamerkan dan kecekapan beserta kerelevanan terhadap pemilihan lokasi perniagaan tertentu pada sesi temuduga yang telah dirancang. Tambahan pula keperluan menjalankan penyelidikan secara telus terhadap perniagaan francais ini juga wajar dipandang serius berikutan usaha mencapai hasrat sebagai negara maju dan berdaya saing dengan negara contoh yang lain (Andrew, 1988: 15).

AL-QUR'AN AL-KARIM; PANDUAN KEHIDUPAN MANUSIA

Al-Qur'an al-Karim merupakan mukjizat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW dengan menggunakan lafaz arab dan sesiapa sahaja yang membacanya akan diberi ganjaran pahala. Ia diturunkan secara berperingkat, kemudian disusun dengan dimulai Surah al-Fatihah dan diakhiri Surah al-Nas (al-Zuhayli, 1998: 9). *Kalamullah* tersebut sarat mengandungi pengajaran sama ada melibatkan akidah, ibadat dan muamalat. Ia juga adalah sumber intelektual dan spiritual yang menggabungkan di antara hal keagamaan dan ilmu pengetahuan yang wajib dipercayai dan beriman ke atasnya (Ahmad Bazli, 2012). Setiap ayat diturunkan terdiri daripada dasar hukum mencakupi keperluan umat manusia sepanjang zaman tanpa dibatasi oleh perubahan waktu, tempat dan iklim semasa sebagai pedoman dengan membawa sesuatu kehidupan kepada yang lebih baik (Osman Bakar, 2008). Di samping itu, ia mengajak manusia untuk berfikir, meneliti dan mengkaji setiap kejadian yang diciptakan oleh Allah SWT dengan akal fikiran dan mata hati supaya timbul perasaan bersyukur dan mengagungkan Allah SWT sebagai satu-satunya pencipta yang tiada duanya. Tambahan pula, ia mendidik manusia agar mengambil iktibar daripada kejadian yang berlaku melalui renungan yang mendalam akan kebesaran-Nya.

Pengaruh yang dibawa dalam al-Qur'an al-Karim berupaya meletakkan manusia pada darjat yang tinggi berdasarkan kepada nilai kerohanian yang mendorong kepada kehidupan sejahtera. Kecenderungan manusia menerapkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam al-Qur'an bukan hanya membawa keharmonian kepada individu sahaja, malah kepada keseluruhan yang berada di sekelilingnya sama ada melibatkan urusan duniawi dan ukhrawi (Mohd Yusof, 2009). Menjadi keutamaan untuk memperbetulkan setiap amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam sebenar menerusi pemahaman dan petunjuk daripada ayat-ayat al-Qur'an secara istiqamah pada tempat sepatutnya. Hal ini menuntut kepada kaedah yang tepat supaya pemahaman terbabit diterapkan dengan sebaiknya bagi mengelakkan daripada timbulnya kemungkar dan kebatilan yang lain (al-Qaradawi, t.t: 24). Kesimpulannya, al-Qur'an al-Karim merupakan panduan lengkap dalam kehidupan manusia yang bukan hanya menyeru kepada pematuhan akidah dan pelaksanaan

hukum semata-mata, bahkan berperanan besar sebagai agen pembentukan dan penjernihan syahsiah setiap daripada mereka menerusi ayat-ayat yang menepati penganjuran tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam dunia penyelidikan, hasil kajian ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian, manakala reka bentuk kajian pula ditentukan oleh tujuan kajiannya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah perpustakaan berdasarkan kepada pembacaan tesis, jurnal, buku dan bahan bacaan lain yang bersesuaian. Ia bertujuan untuk memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian. Kajian ini juga merungkai dalil-dalil daripada al-Qur'an al-Karim yang bersesuaian mewakili ciri-ciri pemeliharaan sesebuah hubungan di antara francaisor dan francaisi untuk terus memelihara pembinaan perniagaan francais.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan menghuraikan dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji menerusi pelbagai sumber untuk mencapai matlamat kajian. Oleh yang demikian, pengkaji membahagikan hasil dapatan kajian tersebut kepada aspek yang bersesuaian supaya dapat dikenalpasti oleh pembaca dengan tersusun dan bersistematik. Aspek yang perlu terkandung dalam setiap perhubungan di antara francaisor dan francaisi menurut al-Qur'an al-Karim dapat ditinjau sepertimana di bawah:

Aspek Pematuhan dan Pengawasan

Bentuk kepatuhan yang dituntut dalam pelaksanaan francais dibuktikan terhadap tindakan menuruti setiap kehendak dan peraturan yang disediakan dalam akta dan syarat francais. Akta Francais 1998 (Pindaan) 2012 merupakan rujukan umum yang mengandungi etika pelaksanaan perniagaan tersebut beserta tindakan perundangan sewajarnya terhadap kesalahan yang dilakukan (Mohamad Yusof, t.th: 520). Antara perkara dalam akta tersebut adalah kaedah pendaftaran, perjanjian tugas dan penguatkuasaan ke atas setiap kesalahan dalam francais. Pematuhan ini sebagai jaminan untuk menghindari daripada kemudaratan yang bakal berlaku dalam pelaksanaan francais. Ia juga berkuatkuasa sebaik sahaja perjanjian francais dibina sepanjang tempoh yang telah ditetapkan untuk beroperasi berdasarkan persepakatan di antara francaisor dan francaisi. Kegagalan francais akan berlaku jika salah satu atau kedua-dua pihak melakukan kemungkiran terhadap pematuhan akta tersebut. Francaisi perlu mematuhi setiap syarat yang ditentukan oleh francaisor sebagai pemilik francais. Manakala francaisor pula dipertanggungjawabkan untuk menuruti peraturan akta francais yang dinaungi oleh pendaftar francais dalam negara. Firman SWT:

- 1) ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ﴾

An-Nisa' : 59

Terjemahannya: Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu.

- 2) ﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

Al-Imran : 104

Terjemahannya: Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung.

- 3) ﴿كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ﴾

Al-Imran : 110

Terjemahannya: Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah.

Allah SWT menyeru hambanya untuk menjadi sebagai hamba yang beruntung dengan menegakkan perintah Allah dalam melakukan setiap kebaikan dan menjauhi perkara keburukan. Larangan tersebut meliputi bentuk perbalahan dan perselisihan yang mengancam kepada terlaksananya amar ma'ruf nahi munkar dalam kehidupan seharian (Ibn Kathir, t.t: 4/57). Berdasarkan potongan ayat yang dikemukakan, ia menunjukkan bahawa pematuhan terhadap pemimpin dalam suatu perkara yang membawa kepada kebaikan dan kandungan perjanjian yang disepakati perlu dilakukan dengan sebaik mungkin. Bentuk pengawasan diperkenalkan sebagai batasan daripada penularan berlakunya perkara yang bercanggah dengan prinsip sesuatu perkara. Ia bertujuan memastikan tiada berlakunya risiko yang boleh membebankan semua pihak dalam perjanjian terutamanya hubungan di kalangan francaisor dan francais dalam perniagaan francais.

Aspek Kepercayaan dan Kejujuran

Islam adalah sebuah agama yang menjunjung tinggi nilai kejujuran. Ia melibatkan kejujuran terhadap perbuatan yang didirikan dan percakapan yang dipertuturkan

sama ada dalam urusan pekerjaan, perniagaan atau pun komunikasi harian. Rasulullah SAW merupakan model unggul yang diberi gelaran sebagai "Al-Amin" berdasarkan kemuliaan akhlak kejujuran yang ditampilkan sepanjang hayat Baginda. Nilai murni tersebut berupaya membentuk kepercayaan daripada manusia di sekeliling dan kesan sebaliknya pula akan diperolehi jika melakukan pendustaan. Terdapat banyak ayat dalam al-Qur'an al-Karim yang menyeru untuk melakukan kejujuran dan kepercayaan, ia dapat diteliti sepertimana yang berikut:

- 1) ﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا ۗ اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۚ ﴾

Al-Ma'idah: 8

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

- 2) ﴿ وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِنْ قَوْمٍ خِيَانَةً فَانْبِذْ إِلَيْهِمْ عَلَىٰ سَوَاءٍ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْخَائِنِينَ ﴾

Al-Anfal: 58

Terjemahannya: Dan jika kamu khawatir akan (terjadinya) pengkhianatan dari suatu golongan, maka kembalikanlah perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang jujur. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berkhianat.

3)

- ﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ ﴾

At-Taubat: 119

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.

Ayat-ayat al-Qur'an ini membuktikan Allah SWT memerintahkan untuk berlaku jujur dan berkata benar terhadap sesuatu perkara bagi membuktikan ketaatan sebagai hamba-Nya. Kecenderungan untuk melakukan pengkhianatan akan memberi kesan buruk terhadap diri sendiri dan sekelilingnya. Larangan terhadap pengkhianatan

tersebut bukan hanya menumpukan sesama muslim, bahkan terhadap muslim ke atas golongan selain muslim (Ibnu Kathir, 2003: 67). Kekuatan pelaksanaan perniagaan francais dapat ditemui menerusi sikap jujur dan amanah yang ditampilkan daripada peglibatan setiap pihak sebelum kontrak francais sedia untuk ditanda tangani. Perhubungan francais dan francais akan berjaya dengan mencapai matlamat yang diidnginkan apabila masing-masing menyedari akan tanggungjawab berlaku jujur untuk membangunkan francais. Penerapan sikap kejujuran akan menyebabkan pihak tertentu dipercayai dalam setiap hal, antaranya meliputi penjelasan serta pelaksanaan kandungan kontrak, kadar pembayaran, skop pemasaran dan faedah yang berpotensi untuk dimiliki.

Aspek Kerjasama dan Pertolongan

Sikap kerjasama dalam sesebuah komuniti merupakan nilai terpuji yang menjadikan seseorang sentiasa peka terhadap keperluan sekeliling. Sikap tersebut juga berupaya meningkatkan daya kreativiti terhadap banyak pihak apabila ia terhasil daripada gabungan pelbagai sudut berbanding perseorangan. Selain itu, ia akan lebih memberi kepuasan apabila hasil yang diperolehi lebih baik dan terjamin (Zalika & Faridah, 2015: 4). Kerjasama dan pertolongan bukan hanya melibatkan sumber kewangan sahaja, malah merangkumi tenaga, idea dan sokongan lain yang mampu meringankan beban terhadap pihak memerlukannya. Firman Allah SWT:

- 1) ﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۗ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝﴾

Al-Maidah: 2

Terjemahannya: Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.

- 2) ﴿وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ ۖ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ فُلُوبِكُمْ ۝﴾

Al-'Imran: 103

Terjemahannya: Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu.

3) ﴿وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْتُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ﴾

At-Taubat: 71

Terjemahannya: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang munkar.

Berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an di atas, dapat dilihat bahawa aspek pertolongan merupakan sebuah tuntutan yang perlu diterapkan dalam kehidupan seharian tanpa membatasi kepentingan tertentu sahaja. Amalan bekerjasama dan menghulurkan pertolongan harus dipupuk sejak di peringkat awal. Begitu juga yang terjadi dalam perniagaan francais, sistem ini dibangunkan bertujuan membantu sekumpulan masyarakat sebagai francaisi yang ingin terlibat dalam perniagaan mengikut panduan khusus yang diberikan. Hubungan yang terjalin membuktikan bahawa mereka saling memerlukan di antara satu sama lain apabila francaisor memperkenalkan produk bersesuaian dengan keperluan semasa, manakala francaisi pula menjalankan tugas memasarkan produk francais tersebut.

Aspek Ketabahan dan Kesungguhan

1) ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ﴾

Al-Baqarah: 153

Terjemahannya: Hai orang-orang yang beriman, jadikanlah sabar dan shalat sebagai penolongmu, sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.

2) ﴿لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۗ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ﴾

Al-Baqarah: 286

Terjemahannya: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya.

3) ﴿ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُيُوتٌ مَّرْصُومَةٌ ﴾

As-Saff: 4

Terjemahannya: Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.

Pelaksanaan perniagaan francais tidak akan menemui titik kejayaan sekiranya ia tidak dijalankan dengan kesungguhan yang jitu sepanjang tempoh kontrak francais berlangsung. Sikap sambil lewa yang ditampilkan dalam kalangan pelaksana francais akan mengundang kepada bentuk kegagalan terhadap sesebuah francais. Ini dijelaskan dalam kajian para sarjana berkaitan keperluan melaksanakan urusan dengan bersungguh-sungguh terutamanya hal berkaitan muamalat dengan cekap, tersusun dan bersistematik (Mohammad Ghazali dan Nor'Azzah).

Aspek Kejayaan dan Keuntungan

Kejayaan perniagaan francais di Malaysia dapat dibuktikan dengan penyumbangan RM27.89 bilion pada tahun 2017 kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan jumlah tersebut dijangkakan bertambah menjelang tahun 2030 (Suhaila, 2018). Potensi kebolehan pasaran sesebuah syarikat francais semasa, menarik minat para pelabur terutamanya francaisor dan francais menyertai perniagaan tersebut. Setiap pencapaian terhasil daripada usaha yang ditampilkan tanpa dihalangi dengan sikap berputus asa dan mengalah. Islam menganjurkan para penganutnya untuk mencapai kejayaan dalam setiap bidang yang diceburi dan setiap peringkat kehidupan. Firman Allah SWT:

﴿ قُلْ يَا قَوْمِ اِعْمَلُوا عَلَيَّ مَكَاتِكُمْ إِنِّي عَامِلٌ ۗ
فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ مَنْ تَكُونُ لَهُ عَاقِبَةُ الدَّارِ ﴾

Al-An'am : 135

Terjemahannya: Katakanlah: "Hai kaumku, buatlah sepenuh kemampuanmu, sesungguhnya aku pun berbuat (pula). Kelak kamu akan mengetahui, siapakah (di antara kita) yang akan memperoleh hasil yang baik di dunia ini.

Interaksi yang berpandukan strategi secara tersusun melibatkan francaisor dan francais akan memberi kesan positif terhadap pencapaian pada posisi masing-masing dalam perniagaan francais. Kejayaan tidak akan diraih jika berpaksakan kepada pemikiran yang mundur dan tidak berdaya saing. Hasil kejayaan tersebut

akan membuah hasil dalam bentuk keuntungan dan memberi kelebihan kepada pihak yang giat berusaha. Bukan itu sahaja, ia memberi impak kemajuan kepada perniagaan francais berkenaan untuk bergerak lebih pantas ke hadapan dan peningkatan prestasi yang membanggakan. Keuntungan dalam bahasa arab dikenali sebagai *al-rihb* yang mewakili perolehan tambahan hasil daripada modal sebenar terhadap pelaksanaan perniagaan dan apa sahaja aktiviti berkaitan (al-Jumu'ah, 2000).

KESIMPULAN

Kajian ini memberi fokus kepada hubungan yang terjalin dalam perniagaan francais melibatkan francaisor dan francaisi bersandarkan kepada dalil-dalil umum daripada al-Qur'an al-Karim. Kewajipan untuk memelihara hubungan tersebut bukan hanya berpihak kepada satu pihak sahaja, bahkan melibatkan kedua-duanya sepanjang tempoh perjanjian francais berlangsung. Oleh itu, kajian ini mengenalpasti ayat-ayat berkaitan dengan sikap individu yang boleh diterapkan dalam pembangunan perniagaan francais beserta ganjaran yang akan diperolehi jika menurutinya dengan tekun. Selain daripada fokus kajian yang sama, kajian ini boleh dilanjutkan kepada hubungan francaisor dan francaisi menurut al-Sunnah al-Nabawi. Hal ini berkait rapat dengan permasalahan yang timbul berdasarkan jurang untuk memastikan perniagaan francais berada pada tahap memberangsangkan. Ternyata, ia mampu dicapai jika memiliki tahap kesedaran yang tinggi untuk bersama memelihara pembangunan francais berpandukan sumber hukum utama Islam iaitu al-Qur'an al-Karim.

PENGHARGAAN

Pengkaji mengambil kesempatan merakamkan sekalung penghargaan ucapan terima kasih kepada University of Malaya Student Financial Aid (UM Financial Aid), Institut Pengurusan dan Perkhidmatan Penyelidikan Universiti Malaya (IPPP UM) di atas usaha menyalurkan bantuan pembelajaran sepanjang pengajian di peringkat ini dan seterusnya melancarkan lagi proses penyelidikan yang sedang dijalankan mengikut tempoh waktu ditetapkan.

RUJUKAN

- Ahmad Bazli Shafi'e. (2012). *Memartabatkan sains melalui pemodenan universiti al-Azhar: Iktibar daripada cubaan al-Syaikh Muhammad Abduh di abad ke-20*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Al-Jumu'ah, 'Ali Muhammad. (2000). *Mu'jam al-mustalahat al-iqtisadiyyah wa al-Islamiyyah*. Al-Qahirah: Maktabah al-'Abikat.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (t.t.). *Al-Murja'iyah al-'ulya fi al-Islam li al-Qur'an wa al-sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1998). *Al-Qur'an al-Karim bunyatuhu al-tashri'iyah wa khasaisuh al-hadariyyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Andrew Kostecka. (1988). *Franchising in the economy: 1986-1988*. Amerika Syarikat: U.S. Dep't of Commerce.
- Awalan Abdul Aziz. (1999). *Perniagaan francais di Malaysia; Perspektif dan Ppanduan*. Kuala Lumpur: Creative Energy Enterprise.
- David Gurnick. (2003) *Franchising depositions*. The United States of America: Juris Publishing Incorporated.
- Dyna Novitasari. (2010). *50 warabala potensial di bawah 10 Juta*. Yogyakarta: G-Media.
- G. Frank Mathewson & Ralph A. Winter. (1985). The economics of franchise contracts. *Journal of Law and Economics*. 28(3).
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida Ismail. (t.t.). *Tafsir Ibnu Kathir*. Kuala Lumpur: Sinar Baru, t.t.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida Ismail. (2003). *Tafsir Ibnu Kathir*. Jakarta: Pustaka Imam Syafi'e.
- Kamus Dewan. (2010). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Yusop Mohd. Jani. (2013). *Akta Francais 1998 Pindaan 2012: Melindungi Hak Francaisor dan Francaisi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohammad Ghazali & Nor'Azzah Kamri. (2015). Keperibadian Islam dan Profesionalisme dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoristik. *Jurnal Syariah*, 23(2), 260.
- Martin Mendelsohn. *The guide to franchising*. (1995). London: Cassell Publisher Limited.
- Mohd Yusof. (2009). *Sains, masyarakat dan agama*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Noraini Ibrahim. (2002). *Industri francais dan pembangunan; Malaysia, Singapura & Indonesia, analisis strategic*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nur Hanani Azman. (2016). Cabaran besar usahawan francais. *Utusan Online*, 3 Oktober 2016. <http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/cabaran-besar-usahawan-francais>.
- Osman Bakar. (2008). *Tauhid dan sains*. Jakarta: Pustaka Hidayah.

- Paul H. Rubin. (1978). "The Theory of The Firm and The Structure of The Franchise Control". *Journal of Law and Economics*, 21(1), 223.
- Richard E. Caves, William F. Murphy II. (1976). "Franchising: Firms, Markets and Intangible Assets". *Southern Economic Journal*. 42(4), 572.
- Suhaila Shahrul Annuar. (2018). 851 syarikat francais berdaftar dengan KPDNKK. *Berita Harian Online*, 6 Februari 2018. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/385295/851-syarikat-francais-berdaftar-dengan-kpdnkk>.
- Shahidatool & Sheila. (2019). Isu francais stesen minyak perlu tindakan kerajaan. *Utusan Online*, 30 Januari 2019. <http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/isu-francais-stesen-minyak-perlu-tindakan-kerajaan-1.832439>.
- Zalika Adam & Faridah Kassim. (2015). *Kemahiran kerja berpasukan: Etika dalam pekerjaan dari perspektif Islam*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.